



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATO' ABDUL MALEK BIN DATO' DR HAJI MOHAMED
MANTAN NAIB PRESIDEN BAHAGIAN JUALAN, SELANGOR TELEKOM
MALAYSIA 2004-2007

OLEH:

NURARIF HILMI BIN MUSE	2012162831
WAN MUHAMMAD ZULAILI BIN WAN MAT	2012723083

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATO' ABDUL MALEK BIN DATO' DR HAJI MOHAMED
MANTAN NAIB PRESIDEN BAHAGIAN JUALAN, SELANGOR TELEKOM
MALAYSIA 2004-2007**

OLEH:

NURARIF HILMI BIN MUSE	2012162831
WAN MUHAMMAD ZULAILI BIN WAN MAT	2012723083

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalammualaikum warahmatullahhiwabarakatuh. Alhamdulillah terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat nafikan bahawa terdapat pelbagai kekangan yang kami hadapi baik sebelum mahu pun selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang melanda.

Di samping itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya pensyarah kami Madam NurulAnnisa Binti Abdullah untuk subjek IMR604 Pendokumentasian Lisan yang telah mencerahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini.

Tokoh yang kami hormati, Dato' Abdul Malek Bin Dato' Dr.Haji Mohamed dan setinggi-tingi terima kasih kami ucapkan kerana kesudian beliau memberi kerjasama serta berkongsi ilmu yang sangat bermilai dan bermakna buat kami.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami serta rakan seperjuangan yang telah banyak memberi tunjuk ajar, teguran dan dorongan sepanjang proses dalam menghasilkan serta menyiapkan projek pendokumentasian lisan ini.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA	SURAT
Penghargaan.....	i	
Isi Kandungan.....	iii	
Abstrak.....	v	
Biodata Tokoh.....	vii	
Pengenalan.....	ix	
Transkrip		
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02	
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan	07	
Bahagian 3: Dunia Pekerjaan	20	
Bahagian 4: Pendapat Umum dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	38	
Rujukan.....	52	
Lampiran		
Log Wawancara.....	55	
Diari Kajian.....	61	
Senarai soalan.....	62	
Surat Perjanjian.....	67	
Gambar.....	68	
Indeks.....	69	

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Wawancara ini mengandungi temubual bersama Dato' Abdul Malek Bin Dato Dr.Haji Mohamed mengenai kerjaya beliau sepanjang berkhidmat di Telekom Malaysia dari tahun 1977 sehingga 2007. Transkrip temubual ini dijalankan di rumah Dato' Abdul Malek Bin Dato' Dr.Haji Mohamed pada hari Jumaat bertarikh 15 May 2015 dan bermula pada pukul 9.00 malam. Beliau merupakan tokoh yang berkhidmat dengan komited dari awal pembabitan beliau di Telekom Malaysia sebagai Penolong Pengawal Telekom sehingga menjawat jawatan sebagai Naib Presiden Telekom Malaysia(Jualan, Selangor) pada tahun 2004 sehingga 2007. Temubual ini merangkumi pengalaman beliau sepanjang berkhidmat di Telekom Malaysia baik di dalam negara mahu pun di luar negara*

Kata kunci: *Dato' Abdul Malek Bin Dato' Dr.Haji Mohamed, Telekom Malaysia, Naib Presiden Telekom Malaysia, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, khidmat pengalaman*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH

BIODATA RINGKAS

DATO' ABDUL MALEK BIN DATO' DR. HJ. MOHAMED

MANTAN NAIB PRESIDEN BAHAGIAN JUALAN, SELANGOR TELEKOM

MALAYSIA 2004-2007



1. BUTIR-BUTIR PERIBADI :

- | | |
|------------------|---|
| 1.1 Nama | : Dato' Abdul Malek Bin Dato' Dr. Hj. Mohamed |
| 1.2 Tarikh Lahir | : 15.12.1952 |
| 1.3 Tempat Lahir | : Kota Bharu, Kelantan |

2. KELULUSAN AKADEMIK :

- i. Diploma Elektrik Kuasa, Universiti Teknologi Malaysia
- ii. Ijazah Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Universiti Portsmouth, UK

PENGENALAN

PENGENALAN



Telekom Malaysia Berhad (Telekom Malaysia) merupakan salah sebuah daripada syarikat telekomunikasi yang terunggul dan yang pertama di Malaysia. Telekom Malaysia mempelopori bidang telekomunikasi dan perhubungan negara sebelum kemunculan syarikat-syarikat telekomunikasi yang lain seperti Timedotcom, Binariang dan Celcom. Sebelum Telekom Malaysia diswastakan dan diperbadanankan pada tahun 1987, ia hanya dikenali dahulu sebagai Jabatan Telekom Malaysia (JTM). Telekom Malaysia juga tersenarai dalam Bursa Malaysia.

Sejak dari penswastaan tersebut Telekom Malaysia telah berkembang pesat dengan pembukaan cawangan demi cawangan sehingga ke hari ini. Ibupejabat Telekom Malaysia terletak di Wisma Telekom, Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur. Telekom juga mempunyai kompleks latihannya sendiri. Kompleks latihan ini berfungsi sebagai organisasi latihan yang diwujudkan khas untuk melatih kakitangan Telekom Malaysia mendalam dalam bidang telekomunikasi terkini dalam mencapai matlamat organisasi untuk memberi perkhidmatan telekomunikasi bertaraf dunia selaras dengan pembangunan negara disamping memenuhi kepuasan pelanggan.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Dato' Abdul Malek Bin Dato' Dr. Haji Mohamed berkaitan penglibatan dan pengalaman beliau semasa mula-mula memasuki Telekom Malaysia pada tahun 1977 hingga akhir tahun 2007 dan menjawat jawatan tinggi dalam Telekom Malaysia iaitu sebagai Naib Presiden (Jualan,Selangor). Rakaman ini telah dijalankan melalui satu sesi sahaja di rumah Dato' Abdul Malek Bin Dato' Dr. Haji Mohamed di Seksyen 11,Shah Alam Selangor bermula pada jam 9.00 malam. Wawancara ini dikendalikan oleh NurArif Hilmi Bin Muse dan Wan Muhammad Zulaili Bin Wan Mat. Dengan segala hormatnya kita memulakan rakaman ini.Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

NAH: NurArif Hilmi Bin Muse

WZ: Wan Muhammad Zulaili Bin Wan Mat

DM: Dato' Abdul Malek Bin Dato' Dr.Haji Mohamed

KASET 1 BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NAH : Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatu, nama saya Nur Arif Hilmi Bin Muse dan juga Wan Muhammad Zulaili Bin Wan Mat, kami pelajar ijazah di tahun akhir dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Machang Kelantan. Kami hari ini ingin melakukan wawancara untuk memenuhi syarat subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan IMR 604 di tahun akhir, hari ini kami akan mewawancara Dato' Abdul Malek Bin Dato' Dr.Haji Mohamed dan kami sangat berbesar hati diatas kesudian Dato' kerana sudi

melapangkan masa serta meluangkan masa bersama kami bagi menjayakan proses wawancara ini.

NAH : Assalammualaikum Dato' Malek.

DM : Walaikumussalam.

NAH : Tujuan disini kami nak menemubual Dato' Malek tentang sejarah latar belakang Dato' Malek. Soalan pertama nak bertanya pada Dato' Malek, apakah nama penuh Dato'?

DM : Nama penuh saya ialah Dato' Abdul Malek Bin Dato' Dr Haji Mohammad.

NAH : Bilakah tarikh lahir Dato'?

DM : Tarikh lahir ialah pada *lima belas [15] haribulan Disember sembilan belas lima puluh dua [1952]*?

NAH : Dimanakah Dato' dilahirkan serta dibesarkan?

DM : Saya dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan tapi dibesarkan di merata tempat lah, selain daripada Kota Bharu, Alor Star, Kuantan dan juga Kuala Lumpur.

NAH : Dimanakah tempat Dato' menetap sekarang?

DM : Sekarang saya menetap di Shah Alam, Selangor.

NAH : Shah Alam, Selangor?

DM : Ya, Seksyen *sebelas [11]* Shah Alam, Selangor.

NAH : Sebelum itu dimanakah Dato' ada menginap pernah menetap di tempat lain sebelum di Shah Alam?

DM : Aah - ada, dimerata tempat lah seperti yang saya nyatakan tadi - di Kota Bharu dimana saya dilahirkan lepas *tu* [itu] mengikut - keluarga yang

berpindah ke Alor Star - lepas *tu* [itu] yang mana mendapat pendidikan awal disana, *pastu* [selepas itu] pindah lagi ke Kuantan - dan akhirnya di Selangor lah.

NAH : **Berapakah bilangan adik beradik?**

DM : Saya mempunyai *lapan* [8] orang adik beradik - *empat* [4] perempuan dan *empat* [4] lelaki.

NAH : **Dan Dato' anak yang ke berapa?**

DM : Saya yang *keenam* [6] dalam keluarga.

NAH : **Soalan kelapan [8], adakah Dato' mempunyai nama timangan semasa kecil?**

DM : Nama timangan - rasa *takda* [tiada] lah nama timangan macam sekarang *ni* [ini] *dorang* [dia orang] panggil *boy* [lelaki] lah, *uncle* [pakcik] lah, *gegirl* [perempuan] dan sebagainya kan.

NAH : **Yes [ya] betul.**

DM : Tapi zaman-zaman dulu macam saya dia ringkas *je* [sahaja], Malek panggil Lek *je* [sahaja] lah, dalam keluarga dia orang panggil saya Lek *je* [sahaja] lah. Itu kira nama timangan la *tu* [itu]. (ketawa kecil)

NAH : **Siapa nama ibu dan ayah Dato'?**

DM : Nama ibu saya ialah Wok binti Abdul Latif dan ayah saya ialah Mohamed bin Taib.

NAH : **Jadi semasa ayah dan ibu membesar Dato', ayah dan ibu Dato' membuat pekerjaan apa? bekerja sebagai apa?**

DM : Oh okey - ibu saya tak bekerja - dia suri rumah sepenuh masa manakala

ayah saya ialah seorang pegawai kerajaan - dia ialah pegawai pergigian -- kalau nak ringkaskan kita sebut doktor gigi la - pegawai pergigian dia pegawai kerajaan lah *tu* [itu].

NAH : **Adakah mereka masih hidup?**

DM : Takda [tiada]. Kedua-duanya dah [sudah] meninggal dunia.

NAH : **Sudah meninggal dunia. Pada tahun bila mereka meninggal dunia?**

DM : Ayah saya pergi dulu pada tahun *dua ribu tiga* [2003], manakala ibu meninggal pada *tahun dua ribu enam* [2006].

NAH : **Waktu ayah Dato' bekerja sebagai seorang pegawai pergigian, dimanakah tempat dia bekerja?**

DM : Yang sebenarnya banyak tempat, kalau tak silap saya dalam ingatan saya lah - tempat yang pertama selepas dia *graduate* [graduasi] di Kuala Lipis, Pahang - lepas *tu* [itu] dia pindah ke Kelantan kerja di Hospital Besar Kota Bharu - lepas *tu* [itu] pada tahun - *enam puluh tiga* [63] *tak* [tidak] silap saya pindah ke Alor Star juga waktu *tu* [itu] kira naik pangkat *sikit* [sedikit] lah dia panggil pegawai kanan di Alor Star, lepas itu pada tahun - lepas *tu* [itu] pindah ke Kuantan, pindah ke Kuantan *tu* [itu] dia menjawat jawatan sebagai Pengarah Pergigian Pahang lah. Itu jawatan akhir.

NAH : **Pada tahun bilakah Dato' mendirikan rumah tangga?**

DM : Pada tahun *sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978].

NAH : **Sembilan belas tujuh puluh lapan [1978]?**

DM : (Angguk kepala)

NAH : **Boleh bagitahu kami nama penuh isteri Dato'?**

- DM : Nama penuh isteri ialah Nur Aziah Binti Abdul Jamal.
- NAH :** **Hasil perkahwinan tersebut Dato' dikurniakan berapa orang cahaya mata?**
- DM : Kami ada *empat* [4] orang cahaya mata - *empat* [4] orang anak keempat - empatnya ialah lelaki - *takda* [tiada] perempuan.
- NAH :** **Semua lelaki?**
- DM : Semua lelaki.
- NAH :** **Apakah nama anak Dato', umur mereka sekarang dan status?**
- DM : Yang pertama - anak pertama Izmee Zamani - beliau berumur *tiga puluh lima* [35] tahun dan telah pun berkahwin dan mempunyai *tiga* [3] orang anak lah. Yang kedua anak kedua nama dia Izree Zairi *tiga puluh empat* [34] tahun bezanya setahun *je* [sahaja] juga telah berkahwin dan mempunyai *tiga* [3] orang anak juga manakala yang ketiga anak yang ketiga nama Izwan Zuhrin - umur *tiga puluh satu* [31] tahun juga telah berkahwin dengan seorang anak dan yang keempat Izmee Zayummi *dua puluh lapan* [28] tahun dan masih lagi bujang.
- NAH :** **So [jadi] maknanya *tiga* [3] daripada anak Dato' sudah mendirikan rumah tangga dan seorang bujang.**
- DM : Melepas umur tiga puluh tahun lah *tu* [itu]. (ketawa)
- NAH :** **Ha lebih umur tiga puluh tahun lah *tu* [itu]. (ketawa)**

TAMAT BAHAGIAN 1

KASET 1 BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

NAH : Sekarang kami akan menanyakan sejarah pendidikan Dato' sewaktu dahulu?

WZ : Soalan seterusnya dari saya dimanakah Dato' mendapat pendidikan awal?

DM : Okey waktu dulu dia takda [tiada] - pendidikan awal sini maksud apa? tadika ke apa?

WZ : Paling awal lah tadika ke?

DM : Dulu zaman-zaman saya dulu *takda* [tiada] tadika jadi saya terus masuk ke darjah *satu* [1] - maknanya seperti yang saya nyatakan tadi saya mendapat pendidikan awal di Alor Star. Maknanya saya memulakan darjah satu di Alor Star -- Kedah.

WZ : Dato' ingat nama sekolah masa di Alor Star?

DM : Nama sekolah *tu* [itu] Sekolah Rendah Iskandar.

WZ : Sekolah Rendah Iskandar?

DM : Sekolah Rendah Iskandar Alor Star, Kedah.

WZ : Semasa di sekolah itu apakah pencapaian Dato'? semasa peringkat sekolah? pencapaian?

DM : Masa sekolah rendah dulu?

WZ : Ha sekolah rendah. (angguk kepala)

DM : Oh. Pencapaian dari segi apa maksudnya?

WZ : Dari segi akademik ataupun kokurikulum je [sahaja].

DM : Akademik waktu *tu* [itu] - saya cuma sempat darjah *satu* [1] sampai *tiga* [3] di *Sekolah Iskandar* [Alor Star] lepas *tu* [itu] pindah ke Kuantan. Di Kuantan tu - darjah *empat* [4] hingga darjah *enam* [6] sekolah rendah lepas *tu* [itu] masuk ke tingkatan *satu* [1] hingga tingkatan *tiga* [3] di Kuantan juga dan selepas *tu* [itu] saya sambung belajar di *Maktab Tentera* [Selangor] pada -- untuk tingkatan *empat* [4] sehingga *enam* [6] atas. Jadi itu dia punya *ni* [itu] peringkat pembelajaran saya lah, kalau kata pencapaian waktu darjah *satu* [1] darjah *tiga* [3] *tu* [itu] waktu *tu* [itu] dia *tak ada* [tiada] *periksa* [peperiksaan] lagi. Dia terus normal *gitu* [begitu] kan dia maknanya belajar biasa la - kalau kokurikulum *tu* [itu] biasa lah maknanya permainan sukan bola sepak sebagainya lah.

WZ : Dulu Dato' pergi sekolah macam mana jalan kaki ke naik basikal?

DM : Sekolah rendah dulu macam di Alor Star waktu *tu* [itu] rumah jauh jadi naik kereta.

WZ : Ayah hantar? Ke macam mana?

DM : Ada pemandu - jadi dia ada dapat pemandu -- lah hantar - waktu di Kuantan *tu* [itu] sekolah rendah *tu* [itu] masih lagi pergi sekolah dengan *bicycle* [basikal] eh apa ini dengan kereta - cuma di darjah *enam* [6] saya mula naik *bicycle* [basikal] lah pergi sekolah, lepas tu tingkatan *satu* [1] hingga sekolah menengah *tu* [itu], tingkatan *satu* [1] hingga *tiga* [3] boleh katakan kebanyakannya naik *bicycle* [basikal] lah pergi sekolah.

WZ : Waktu sekolah dulu berapa duit saku yang diterima oleh Dato'?

DM : Oh waktu *tu* [itu] murah *je* [sahaja] *dua puluh* [20] sen.

WZ : *Dua puluh* [20] sen satu hari?

DM : Satu hari *dua puluh* [20] sen, waktu sekolah rendah saya rasa mak saya bagi *dua puluh* [20] sen *je* [sahaja] untuk belanja, waktu *tu* [itu] *dua puluh* [20] sen *tu* [itu] kira *dah* [sudah] okey lah pasal apanya *lima* [5] sen pun dah

boleh dapat macam separuh nasi lemak apa semua kan - *sepuluh*[10] sen *tu* [itu] dah boleh dapat semangkuk mee kari -- jadi *dua puluh* [20] sen *tu* [itu] dengan air pun, air murah *je* [sahaja] *lima* [5] sen tapi kemudian *tu* [itu] macam sekolah menengah *tu* [itu] dia *upgrade* [naik] *sikit* [sedikit] lah, dia naikkan *sikit* [sedikit] *dua puluh* [20] sen, *tiga puluh* [30] sen *gitu* [begitu] lah paling tinggi pun *empat puluh* [40] sen *je* [sahaja].

- WZ :** Waktu itu *empat puluh* [40] sen pun agak besar juga.
- DM : Kira besar juga lah kira bole lah mana cukup untuk nak menampung.
- WZ :** Masa zaman sekolah menengah dulu bidang akademik subjek apakah yang paling diminati dan paling kurang diminati oleh Dato'? ada subjek yang macam Dato' suka ke tak suka ?
- DM : Masa di sekolah menengah kan?
- WZ :** Haah sekolah menengah.
- DM : Sekolah menengah saya ingat waktu tu - sejarah.
- WZ :** Paling suka?
- DM : No [tidak] paling suka Matematik - rasa sejarah pulak - sejarah ke ilmu alam - ilmu alam jadi yang saya minat waktu *tu* [itu] ialah Matematik lah, memang saya suka dari sekolah rendah lagi lah - yang kurang sikit minat *tu* [itu] Geografi.
- WZ :** Geografi?
- DM : Ha Geografi - pasal saya ingat *form* [tingkatan] *lima* [5] saya tak ambil sejarah, saya *amik* [ambil] Geografi.
- WZ :** Dari segi bidang kokurikulum Dato' aktif dalam mana-mana persatuan dan terlibat dalam sukan sekolah menengah?
- DM : Masa sekolah menengah terutama di waktu di *Maktab Tentera* [Selangor]

lah, kalau masa di tingkatan *satu* [1] hingga *tiga* [3] pun saya aktif juga dalam kebanyakannya dalam sukan la.

WZ : **Sukan apa ya?**

DM : Bolasepak, hoki.

WZ : **Pernah wakil sekolah ke?**

DM : Ha pernah macam - hoki bawah *lima belas* [15] tahun waktu di tingkatan *tiga* [3] semasa di sekolah menengah masa di *Maktab Tentera* [Selangor] tu [itu] banyak juga lah sukan olahraga, bola, tenis dan sebagainya. Macam tenis -- tu [itu] saya pergi lebih jauh *sikit* [sedikit] lah sampai ke peringkat *MSSM* [Majlis Sukan Sekolah Malaysia] dan sebagainya lah - jadi kira aktif lah dari segi sukan kalau dari segi kurikulum lain masa di sekolah menengah rendah tu [itu] maknanya *form* [tingkatan] *satu* [1] sampai *form* [tingkatan] *empat* [4] itu, eh *form* [tingkatan] *tiga* [3] saya aktif dengan pengakap.

WZ : **Oh pengakap.**

DM : Jadi dari sekolah rendah tu [itu] dari darjah *empat* [4] tu [itu] saya *dah* [sudah] mula aktif jadi pengakap sampai darjah *enam* [6] lepas tu [itu] masuk tingkatan *satu* [1] pun saya masih lagi sambung lah saya bergiat -- dengan pengakap lah sampai tingkatan *tiga* [3]. Bila masuk *Maktab Tentera* [Selangor] tu [itu] dia *da* [sudah] *takda* [tiada] pengakap, dia dah jadi *military* [askar]. Dia punya tu [itu] dah lain *sikit* [sedikit].

WZ : **So [jadi] masa sekolah tu [itu] ada teman persekolahan yang paling dingati yang masih rapat sehingga sekarang?**

DM : Ada. *Especially* [terutamanya] yang waktu di *Maktab Tentera* [Selangor] lah yang mana yang *satu* [1] kompeni dengan saya tu [itu] - masih lagi kita orang berhubung - berjumpa sebagainya lah -- *dua* [2] orang yang saya kira yang paling rapat lah.

- WZ** : **Dari zaman sekolah sampai sekarang?**
- DM : Ha lebih kurang.
- WZ** : **Nama dia orang Dato' ingat lagi?**
- DM : Nama dia orang? Orang tu nama dia Muhammad Ali.
- WZ** : **Muhammad Ali?**
- DM : Muhammad Ali Tahir dia *COO* [Ketua Pegawai Operasi] Hong Kong Shanghai Bank *dah* [sudah] pencen pun - ha yang seorang lagi *tu* [itu] Marzuki Abdul Samad dulu anak Menteri lah dia anak Tan Sri Samad Idris - mungkin biasa dengar-dua-duanya ada.
- WZ** : **Ada kenangan pahit dan manis sepanjang dizaman persekolahan?**
- DM : Kalau nak kira kenangan manis dengan pahit rasa di - kalau di *Maktab Tentera* [Selangor] *tu* [itu] yang paling pahit tu bila kena *ragging* [buli] lah [ketawa] itu *dah* [sudah] semestinya lah, itu memang dah tak boleh nak lari tapi di *Maktab Tentera* [Selangor] *tu* [itu] dia punya *ragging* [buli] *tu* [itu] setahun.
- WZ** : **Setahun kena?**
- DM : Dia *tak* [tidak] macam sekolah luar macam di *Maktab Melayu Kuala Kangsar* [Perak] dia orang sebulan *je* [sahaja] - macam di *Maktab Tentera* [Selangor] *ni* [ini] dia setahun - jadi *tula* [itulah] masa tingkatan *empat* [4] *tu* [itu] yang mungkin perit *sikit* [sedikit] lah.
- WZ** : **Masa di *Maktab Tentera* [Selangor] *tu* [itu] tak ada kenangan manis lah?**
- DM : Ha, tak ada kenangan manis lah [ketawa] tiap-tiap malam *tu* [itu] rasa nak balik jela. Manis *tu* [itu] ada juga manis *tu* [itu] - seingat manis waktu tak silap saya --saya pernah jadi johan olahraga di tingkatan *lima* [5] di *Maktab Tentera* [Selangor] - umur dia kategori umur bawah *lapan belas* [18] lah

jadi itu mungkin kira saat yang boleh dibanggakan juga lah - yang lain *tu* [itu] ada juga tapi yang boleh di ingat waktu *tu* [itu] lah - satu *tu* [itu] lah pencapaian lah - kejayaan.

WZ : Masa sekolah tu apa cita-cita dan hobi Dato'?

DM : Okey yang sebenarnya waktu dulu okey lah - dia berubah tapi saya terus pergi ke waktu dah di peringkat sekolah menengah atas lah maknanya tingkatan *empat* [4] *tu* [itu] yang mana kita *dah* [sudah] mula cita-cita kita *tu* [itu] *da* [sudah] kira harapan kan yang bawah *tu* [itu] macam darjah *enam* [6] mungkin *dah* [sudah] bertukar contohnya macam anak saya misalnya masa dia kecil-kecil dulu bila tanya dia kata nak jadi apa, nak jadi *taxi driver* [pemandu teksi] bila besar dah lain jadi (ketawa) - Okey saya waktu *tu* [itu] minat ke arah - *medical* [perubatan] perubatan maknanya cita-cita *tu* [itu] nak jadi apa *ni* [ini] Doktor lah

WZ : Contoh macam ayah Dato' lah.

DM : Ha itu *satu* [1] tapi akhirnya bila dah -- lepas itu lain pula lah tapi itu cita - citanya - untuk menjadi seorang Doktor.

WZ : Hobi Dato'?

DM : Hobi - okey hobi *ni* [ini] waktu yang saya boleh ingat sangat di tingkatan *satu* [1] hingga tingkatan *tiga* [3] waktu *tu* [itu] saya kuat baca komik - mungkin sekarang mungkin tak banyak, dulu mungkin *you* [awak] biasa dengar Komik Dandy dengan Beanie - komik kartun - dia komik kartun dia Dandy - tajuk komik *tu* [itu] Dandy dan *satu* [1] lagi Beano "B-E-A-N-O". Dua-dua *ni* [ini] saya kumpul lah beli dan kumpul and *then* [dan kemudian] *satu* [1] lagi dulu dia ada -- *satu* [1] jenis komik yang *western* [barat] - komik koboi lah - dia kecik *je* [sahaja], dia kecik - dia ada komik koboi lepas *tu* [itu] komik perang dunia ke *dua* [2].

WZ : Kira koleksi Dato' *tu* [itu] ada lagi?

- DM : Koleksi *tu* [itu] entah ke mana pergi saya ingat abang saya *dah* [sudah] simpan, dia *satu* [1] kotak *tu* [itu] penuh.
- WZ : Selepas tamat zaman persekolahan *tu* [itu] Dato' melanjutkan pelajaran ataupun berkerja dahulu? lepas habis maktab?
- DM : Habis saya terus sambung - waktu *tu* [itu] saya masuk *Maktab Teknik* [kini dikenali dengan Universiti Teknologi Malaysia], waktu *tu* [itu] dia panggil *Maktab Teknik* [kini dikenali dengan Universiti Teknologi Malaysia] sekarang dia panggil *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia]. Waktu saya masuk tahun pertama *Maktab Teknik* [kini dikenali dengan Universiti Teknologi Malaysia], tahun kedua dia tukar nama kepada *Institut Teknologi Kebangsaan* [Johor], tahun ketiga waktu *tu* [itu] bila saya masuk *tu* [itu] buat diploma la, tahun ketiga *tu* [itu] baru tukar kepada *Universiti Teknologi Malaysia* [Johor]. Jadi itu lah peringkat permulaan selepas sekolah.
- WZ : Semasa sambung pengajian *tu* [itu] kursus apa yang diambil oleh Dato'?
- DM : Okey untuk diploma *ni* [ini], waktu *tu* [itu] Diploma Elektrik--Kuasa.
- WZ : Masa Dato' ambil kursus tersebut pilihan sendiri ataupun keluarga?
- DM : Takda [tiada]. Pilihan sendiri.
- WZ : Memang pilihan sendiri?
- DM : Haa pilihan sendiri.
- WZ : Masa Dato' dapat tawaran *tu* [itu] adakah Dato' bincang dahulu dengan keluarga untuk buat keputusan?
- DM : *Takda* [tiada]. Maknanya saya *decide* [tentukan] sendiri cuma maklum jela, maklum pada orang tua saya iaitu bapa saya lah. Saya -- nak pergi buat diploma itu la.

- WZ** : *Takda [tiada] halangan?*
- DM : *Takda [tiada] halangan lah.*
- WZ** : **Masa diploma tu [itu] berapa lama tempoh pengajian?**
- DM : Diploma *tiga* [3] tahun.
- WZ** : Dia lain *sikit* [sedikit] lah waktu -- kita sekolah dengan apa *ni* [ini] peringkat belajar, peringkat kolej universiti *ni* [ini] dia lain *sikit* [sedikit] terutama sekali kita *dah* [sudah] *independent* [berdikari] maknanya berdikari kita *da* [sudah] *free* [bebas]. Kalau masa sekolah kita tertakluk pada peraturan, kita duduk hostel ada warden, ada cikgu untuk *guide* [pandu] kita dan sebagainya tapi bila masuk ke maktab ataupun kolej, universiti punya - dia lain kita *independent* [berdikari] maknanya kita sendiri yang *decide* [tentukan], kita sendiri yang buat keputusan, kita sendiri yan -- *takda* [tiada] siapa yang akan *guide* [panduan] kita yang akan apa *ni* [ini] nasihat kita dan sebagainya. Dan apa-apa yang kita buat, kita kena tanggungjawab diri sendiri, tanggungjawab macam *tu* [itu] -- (bunyi helaihan kertas diselak).
- WZ** : **Jadi kiranya cabaran masuk situ *just* [cuma] untuk tanggungjawab diri sendiri? ada macam kena buli ke? apa ke?**
- DM : Ada itu waktu orientasi lah. Masa orientasi *tu* [itu] biasa lah waktu *tu* [itu] boleh tahan lagi dia punya *ragging* [buli].
- WZ** : **Seminggu?**
- DM : Seminggu la, minggu orientasi *tu* [itu] boleh tahan lagi geng-geng *senior* [lebih lama] *ni* [ini] hantu-hantu semua. (ketawa) Ada yang kasar ada yang *tak* [tidak] kasar.
- WZ** : **Masa kena *ragging* [buli] *tu* [itu] Dato' ada buat apa-apa ke? atau bersabar sahaja?**

- DM : Mungkin disebabkan latar belakang saya di *Maktab Tentera* [Selangor] sebab di *Maktab Tentera* [Selangor] dia punya *ragging* [buli] *tu* [itu] lagi dashyat. *And* [dan] *then* [kemudian] cara hidup di *Maktab Tentera* [Selangor] *tu* [itu] cara *military* [askar] cara askar jadi disiplin kuat dan sebagainya jadi - bila dah lalui yang itu selama *empat* [4] tahun bila masuk -- *Maktab Teknik* [Johor] - dan di *oriented* [orientasi] oleh *senior* [lebih lama] jadi boleh lalui lah, boleh lalui. Yang saya tahu *tu* [itu] sebab ada -- yang sama *intake* [pengambilan] dengan saya *tu* [itu] yang tak tahan kena -- *ragging* [buli] dan sebagainya kan - *pumping* [tekantubi] lah ,kena mandi lah, merangkak dalam hutan dan sebagainya nak buat -- jadi macam-macam lah, bagi saya itu *takda* [tiada] apa lah - kita buat jela - yang penting waktu minggu orientasi *ni* [ini] kita *just* [cuma] ikut sebab ada yang saya dengar kalau tak ikut dia orang -- itu lebih *sikit* [sedikit] lah.
- WZ : **Masa sambung kt universiti *tu*[itu] tidak terfikir ke yang Dato' nak masuk askar apa ke sebab dah alang-alang masuk *Maktab Tentera* [Selangor]?**
- DM : *Takda* [tiada] sebab saya punya apa ni - sebab saya - cermin mata, saya pakai cermin mata jadi -- askar *ni* [ini] ataupun *military* [askar] *ni* [ini] dia - mata nak kena bagus - jadi *take* [tidak] lulus lah yang itu (ketawa) (bunyi helaian kertas) tapi waktu saya *tu* [itu] memang ada -- yang masuk, *dua puluh lima peratus* [25%] masuk.
- WZ : **Masa Dato' di universiti macam mana cara pembelajaran Dato'? cara Dato' belajar? maksudnya macam ulangkaji bersama kawan-kawan ke? belajar *sorang* -- [seorang] dalam bilik?**
- MD : Oh okey, yang *tu* [itu] - ada masa-masa saya belajar sendiri tapi kita *take* [tidak] boleh nak lari daripada perbincangan lah, bagi saya mengikut pengalaman apa *ni* [ini] lebih baik kita buat *group discussion* [perbincangan berkumpulan]. Sebab itu lebih apa ni -- bila kita buat *group discussion* [perbincangan kumpulan] kita punya *exposure* [pendedahan] tu

lebih maknanya orang ni akan bagi idea orang -- kalau kita buat sendiri seorang jadi maklum kita nak *cover* [habiskan] *satu* [1] subjek *tu* [itu] luas kadang-kadang luas jadi kita tak boleh *cover* [habiskan] semua, kalau kita semua nak itu - nak apa ni - nak tahu semua *sorang* [seorang] payah baik kita kongsi. Kongsi pengalaman atau kongsi pendapat maknanya orang *ni* [ini] bagi pendapat kita boleh *share* [kongsi] itu lebih baik bagi saya la.

WZ : (bunyi helaian kertas) Kiranya kalau masa nak *periksa* [peperiksaan] ramai-ramai lah jugak Dato'?

DM : *Especially* [terutamanya] dekat *periksa* [peperiksaan] *tu* [itu] kita orang bergiat lebih *sikit* [sedikit] lah dari segi *group discussion* [perbincangan kumpulan] - tapi *group discussion* [perbincangan kumpulan] *ni* [ini] jangan terlalu ramai, saya ingat dalam *tiga* [3], *empat* [4] orang cukup lah.

WZ : *Tiga* [3], *empat* [4] orang *tu* [itu] lelaki ke bercampur?

DM : Itu terpulang, nak lelaki semua, nak bercampur pun boleh tapi bagi saya kalau terlampau ramai kalau sampai *lapan* [8] orang dia *tak* [tidak] berkesan, bagi saya *tiga* [3], *empat* [4] orang cukup lah, *sorang* [seorang] *tu* [itu] -- ada masa-masa buat seorang, belajar seorang tapi kegiatan *group discussion* [perbincangan kumpulan] *ni* [ini] di buat masa terutamanya apabila (bunyi helaian kertas) kita dah nak - untuk *periksa* [peperiksaan] lah. Di samping itu ada lagi maknanya pergi *library* [perpustakaan] dan sebagainya untuk buat *extra* [lebih] dari segi *homework* [kerja], nota dan sebagainya, *plus* [tambahan pula] kadang-kadang buku teks yang diberi itu tak -- nota yang diberi oleh pensyarah *tu* [itu] *tak* [tidak] mencukupi-jadi kalau kita nak -- itu kita kena pergi lebih *sikit* [sedikit], buat *list* [senarai] *step* [susunan] dan sebagainya.

WZ : Semasa belajar di Universiti adakah Dato' ada melakukan kerja sampingan di luar?

DM : *Takda* [tiada] - sebab saya waktu *tu* [itu] bawah tajaan kerajaan dapat

biasiswa dibawah -- dapat biasiswa lah jadi tajaan kerajaan Malaysia, jadi elaun yang diberi itu cukup untuk --.

WZ : **Kiranya masa belajar tu *takda* [tiada] bermiaga?**

DM : *Takda* [tiada] kalau nak bandingkan contoh macam saya di universiti dulu di luar negara *tu* [itu] (berdehem) macam budak-budak daripada - Saudi -- Arabia dia orang *ni* [ini] okey lah dia orang *tu* [itu] mungkin kaya tapi yang daripada Hong Kong contohnya yang Hong Kong *ni* [ini] dia org pergi sendiri, budak-budak China dengan Hong Kong pergi sendiri jadi dia orang waktu malam dia pergi kerja siang pergi kelas, kita ni *student* [pelajar] Malaysia *ni* [ini] yang dapat biasiswa *ni* [ini] *takda* [tiada] bekerja lah, belajar je (bunyi helaian kertas).

WZ : **Nak tanya apakah tahap pendidikan tertinggi Dato'? tahap pendidikan tertinggi? (bunyi helaian kertas)**

DM : Tinggi ialah ijazah.

WZ : **Ijazah?**

DM : Ijazah pertama.

WZ : **Yang pertama *tu* [itu] kursusnya apa? *Electrical* [elektrikal]? (bunyi helaian kertas)**

DM : Okey Ijazah Pertama dalam Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

WZ : **Di universiti?**

DM : Di universiti di *UK* [United Kingdom] - di *Portsmouth* [United Kingdom].

WZ : **Apa nama universiti?**

DM : *Universiti Portsmouth* [United Kingdom].

WZ : **Adakah Dato' pernah mendapat sebarang anugerah sepanjang**

pembelajaran di universiti?

- DM : *Takda* [tiada] -- anugerah yang *special* [istimewa] lah, ijazah *jela* [sahaja].
- WZ : **Ada boleh *sikit* [sedikit] berkongsi sedikit rahsia kejayaan dalam bidang akademik sehingga mencapai tahap tertinggi? maksudnya macam petua untuk berjaya dalam diploma, *degree* [ijazah]. Ada?**
- DM : Macam mana *tu* [itu]?
- WZ : **Ada petua *tak* [tidak] nak berjaya semasa diploma dan *degree* [ijazah] sehingga boleh sampai ke *UK* [United Kingdom]?**
- DM : Ohh.
- WZ : **Petua sebagai seorang pelajar?**
- DM : *Takda* [tiada] yang sebenarnya - *takda* [tiada] lah sangat rahsia yang penting ialah kita kena konsisten dalam pembelajaran kita dan kita jangan cuba nak abaikan pelajaran lah, kita jangan ikut zaman-zaman sekolah *standard one* [darjah satu] ke, *form one* [tingkatan satu] ke yang mana kita buat *last* [akhir]] minit. Di universiti *tak* [tidak] boleh mesti -- jangan -- nasihat saya lah jangan buat *last* [akhir] minit sebab *last* [akhir] minit *ni* [ini] sebab di universiti dia punya subjek *tu* [itu] luas -- banyak benda yang -- kita kena *cover* [habiskan] tak -- macam di sekolah ya, begitu juga contohnya kalau masa *you* [awak] di *form* [tingkatan] *five* [lima] pun mungkin *you* [awak] akan alaminya sedikit tapi kalau *you* [awak] pergi di *form* [tingkatan] *six* [enam] *you* [awak] akan lagi rasa betapa benda *tu* [itu] - subjek *tu* [itu] luas, dia punya subjek *tu* [itu] luas dia *tak* [tidak] -- kalau *you* [awak] macam tingkatan *tiga* [3] apa yang cikgu ajar *tu* [itu] cukup kalau *you* [awak] *amik* [ambil] yang dia ajar *tu* [itu] cukup tapi bila *you* [awak] pergi *form* [tingkatan] *five* [lima] hingga tingkatan *enam* [6] - apa yang cikgu bagi *tu* [itu] hanya cukup untuk lulus yang sebenarnya, kalau *you* [awak] ikut yang *tu* [itu] kalau *you* [awak] tahu apa yang cikgu bagi -- tapi ada juga cikgu yang bagus macam contohnya masa saya di tingkatan

enam [6] - cikgu Matematik yang itu saya tabik dia sebab apa yang dia -- sampaikan ilmu kita *tu* [itu] memang - bagus, memang -- padat lah tapi kita kena itu la, kita kena usaha juga *tak* [tidak] boleh ambil bulat-bulat maknanya kita kena buat *extra* [lebih] lah contohnya *homework* [kerja rumah] -- yang dia bagi *tu* [itu] kadang-kadang *tak* [tidak] cukup, kita kena buat lebih daripada itu. Jadi di universiti kita *tak* [tidak] boleh tangguhkan pembelajaran, itu -- nasihat saya lah, maknanya apa yang kita belajar di kelas hari ini malam *tu* [itu] terus kita ulangkaji *takda* [tiada] kata, "ah *takpa* [tak mengapa] lah tunggu" berminggu-minggu sebab *besok* [esok] benda lain dah, dia macam *tu* [itu] jadi itu yang maksud saya konsisten dalam pembelajaran. Jadi kena --. Selain daripada itu saya ingat selain daripada itu kita kena disiplin juga lah sebab bila belajar *especially* [terutama] bila di kolej dan universiti ni banyak gangguan, macam-macam gangguan jadi terpulang pada kita untuk kita nak -- nilaikan yang mana yang kita nak buat yang mana kita jangan buat (bunyi pesanan ringkas masuk).

WZ : So [jadi] jangan ikut kawan-kawan, bila nak belajar je kawan ajak main, kata "Jangan belajar".

DM : *Member* [kawan] cakap, "Jom kita pergi tengok wayang", "Jom kita ini" bukan kata tidak boleh, boleh tapi kita kena *set* [tetap] *limit* [had] lah jangan kita melebihi benda *tu* [itu] maknanya tak kan tiap-tiap minggu, tak kan hari-hari nak pergi tengok wayang, tak kan hari-hari nak pergi tengok *tv* [televisyen] sampai kita *tak* [tidak] belajar kan, jadi nak pergi tengok wayang boleh tapi habiskan dulu kita punya kerja, ha macam *tu* [itu]. Sama lah dengan *oversea* [luar negara] pun sama maknanya *especially* [terutamanya] di luar negara lagi pula dia punya tarikan tu lebih - disiplin lah.

TAMAT BAHAGIAN 2

KASET 1 BAHAGIAN 3: DUNIA PEKERJAAN

NAH : Terima kasih Dato' sebab berkongsi tips untuk berjaya dalam bidang akademik. So [jadi] kami nak bertanya tentang dunia pekerjaan Dato' selepas tamat pengajian, so [jadi] jadi selepas tamat pengajian apakah pekerjaan pertama Dato' lakukan dan pada tahun berapa?

DM : Okey ni [ini] selepas ijazah lah maknanya.

NAH : Selepas tamat pengajian di **UK [United Kingdom]**.

DM : Maknanya selepas tamat pengajian, okey seperti yang saya katakan tadi waktu universiti saya adalah pelajar tajaan kerajaan Malaysia maknanya waktu itu saya mendapat biasiswa kerajaan persekutuan jadi antara lain syarat-syarat dibawah biasiswa kerajaan persekutuan ialah apabila - tamat belajar kita kena berkhidmat dengan kerajaan - jadi maknanya kontrak, kontrak ialah *sepuluh* [10] tahun _ maknanya habis belajar kena berkerja dengan kerajaan selama *sepuluh* [10] tahun.

NAH : Jadi kesemua pelajar yang mendapat tajaan mesti mengikut kontrak tersebut?

DM : Memang dalam perjanjian kontrak biasiswa memang dah dimaktub begitu maknanya apabila tamat pelajaran kita kena berkhidmat dengan kerajaan (bunyi helaian kertas) dan itu lah *tak* [tidak] boleh kata, "oh saya tak *mau* [mahu]" tidak boleh sebab bila -- kalau itu maknanya kita *da* [sudah] langgar kontrak biasiswa, jadi - saya balik lapor diri dekat Jabatan Awam lepas *tu* [itu] dia kata, "ok *you* [awak] ditugaskan ke Jabatan Telekom" *chow* [pergi] - waktu *tu* [itu] _ , jadi - itu lah pekerjaan saya yang paling awal sebagai jurutera bangunan di Jabatan Telekom Malaysia selepas

tamat.

NAH : **Pada tahun bila tu [itu] Dato' menyertai?**

DM : Ogos *sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977].

NAH : **Sembilan belas tujuh puluh tujuh [1977]?**

DM : Hm (angguk kepala) *sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977].

NAH : **So [jadi] berapakah gaji pertama yang diterima Dato' pada waktu itu?**

DM : Waktu *tu* [itu] murah je [sahaja] *tujuh ratus dua puluh lima ringgit* [RM 725] jurutera, itu jurutera *tu* [itu] jurutera dia panggil jurutera bangunan, jawatan dia Penolong Pegawai Telekom tapi kategori *tu* [itu] jurutera bangunan, gaji rendah je [sahaja] *tujuh ratus dua puluh lima* [725], dia bagi tempoh *tiga* [3] tahun bila kita mula-mula masuk bekerja waktu *tu* [itu] dia panggil tempoh lantikan --.

NAH : **Maksudnya tempoh percubaan?**

DM : Tempoh percubaan, *probation* [percubaan] lah *tiga* [3] tahun sebelum disahkan dalam jawatan jadi gaji waktu *tu* [itu] *tujuh ratus - dua puluh lima ringgit* [RM 725]. Nanti bila disahkan dalam jawatan dia ikut tangga gaji lain *pulak* [pula] (bunyi batuk) tapi gaji permulaan yang itu la. Itu tahun berapa *tu* [itu], tahun *tujuh puluh tujuh* [77] kan? Sekarang ni saya ingat *seribu* [1000] lebih dah kalau *graduate* [graduasi] (bunyi mainan) kalau *engineer* [jurutera] kalau tak silap saya lah *seribu lapan* [RM1800], *dua ribu* [RM2000] mungkin-jauh beza dah.(bunyi mainan)

NAH : **Dato' ditugaskan untuk bertugas di Jabatan Telekom Malaysia, dimana pejabat tersebut terletak?**

DM : Ha okey, pejabat yang pertama saya - saya ditugaskan waktu *tu* [itu] melapor diri di ibupejabat Telekom Bukit Mahkamah Kuala Lumpur - dan - ditugaskan di - ditugaskan ke Bahagian Penyuisan, Penyuisan waktu itu di ibu pejabat Telekom.

NAH : ***So [jadi] semasa Dato' bekerja di Jabatan Telekom tu, dimanakah Dato' menetap pada waktu tersebut?***

DM : Waktu mula bekerja *tu* [itu] bujang lagi *so [jadi]* kongsi lah - kongsi menyewa dengan kawan-kawan yang *satu* [1] jabatan dengan Telekom (bunyi telefon) Telekom kita orang *lima* [5] orang kongsi rumah sewa -- rumah di Kampung Baru waktu bujang, bila dah kahwin - lepas *tu* [itu] saya menetap di *Taman Melewar* [Malaysia].

NAH : **Taman Melewar?**

DM : Taman Melewar *ni* [ini] dia belakang Taman Sri Gombak kira menetap di Gombak.

NAH : **Boleh Dato' ceritakan pengalaman Dato' bekerja masa mula-mula masuk ke Telekom Malaysia? macam mana *environment* [persekitaran]? (bunyi telefon)**

DM : Saya -- waktu *tu* [itu] ya lah kita - masa belajar kita *amik* [ambil] subjek lain tapi bila kerja benda lain yang dibuat, itu -- yang saya lah, ada lagi yang ramai macam saya kena macam *tu* [itu] maknanya apa yang kita belajar *tu* [itu] - tak semuanya boleh diguna pakai - jadi ada benda baru - jadi bila ada benda baru kita terpaksa belajar semula lah, kena tengok manual, tengok bahan rujukan dan sebagainya. Memang pada peringkat

awal - memang *tak* [tidak] *leh* [boleh] terima, tak boleh macam mana nak *start* [mula] apa semua sebab tak tahu __ tapi banyak kena bertanya - kena tanya lepas *tu* [itu] kadang-kadang kita ada bos, kita ada ketua -- pejabat, ketua jabatan sebagainya jadi dia orang lah kadang-kadang *guide* [pandu] kita macam nak buat kerja *tu* [itu] dan sebagainya ataupun selain dari itu kita-tanya juga lah - *senior* [lebih lama] --, staf-staf yang dah bekerja lama. Belajar dari *technician* [juruteknik] pun ada-bila dah di *fieldwork* [lapangan kerja] *tu* [itu], bila buat *fieldwork* [lapangan kerja] *tu* [itu] kita bergaul dengan *technician* [juruteknik] --, juruteknik sebagainya yang mana yang *senior* [lebih lama] -- *technician* [juruteknik] *tu* [itu] dia org ada kemahiran kita belajar daripada dia orang lah, tengok dia orang buat kerja macam mana.

NAH : Waktu Dato' menyertai Telekom Malaysia tu apa nama jawatan yang dipegang oleh Dato'?

DM : Tadi saya dah cakap Penolong Pegawai Telekom.

NAH : Penolong Pegawai Telekom?

DM : Ha Penolong Pegawai Telekom. Tu [itu] nama jawatan.

NAH : Jadi boleh Dato' terangkan apa skop tugas Dato' waktu itu? skop jawatan tersebut?

DM : Selaku Penolong Pegawai Telekom?

NAH : Ha.

DM : Waktu *tu* [itu] - saya - jawatan saya waktu *tu* [itu] Penolong Pegawai Telekom dia panggil Pembangunan Suis -- maknanya switching [suis] element [elemen] sistem waktu *tu* [itu] ialah sistem cross bar, itu nama jenis alat suis yang diguna pakai oleh Jabatan Telekom pada waktu itu lah,

jadi saya ditugaskan untuk membuat perancangan dan pembangunan ibu sawat suis cross bar *ni* [ini] untuk kawasan pantai timur _ maknanya di Kelantan, Terengganu _ tapi di ibu pejabat maknanya *base* [tapak] di Kuala Lumpur lah tapi saya ditugaskan untuk buat perancangan dan pembangunan suis maknanya bila sebut pembangunan suis *ni* [ini] banyak berkaitan dengan projek -- baru, projek -- suis baru contohnya waktu itu - adalah *satu* [1] masa saya mula-mula bekerja *tu* [itu] saya ada tugas untuk buat projek di ibu sawat Raub waktu *tu* [itu] _ Raub dan banyak lagi di Terengganu dan sebagainya.

NAH : Banyak negeri juga lah Dato' pergi.

DM : Jadi dia punya skop *tu* [itu] - maknanya kita dari segi kita-tengok tempat dia maknanya cari kawasan yang sesuai mana tanah dan sebagainya lepas *tu* [itu] -- kita - pelan apa bentuk bangunan dia yang nak kita buat disitu untuk nak masukkan alat-alat suis kemudiannya lepas *tu* [itu] membuat *order* [pesanan] untuk pesanan peralatan suis, bila *dah* [sudah] habis yang *tu* [itu] nanti dia dengan *supplier* [pembekal] buat pemasangan dan sebagainya sampai lah benda *tu* [itu] siap, baru beroperasi itu dia punya skop tugas maknanya daripada mula cari tempat, cari tanah buat bangunan sehingga lah habis siap pasang dan sebagainya.

NAH : *So* [jadi] waktu Dato' menyandang jawatan tersebut apa cabaran yang Dato' hadapi pada waktu tersebut?

DM : Kebanyakkannya kita - banyak bergantung kepada ilmu pengetahuan tentang alat dan sebagainya. Itu *satu* [1] yang keduanya - pengalaman - kita - bila jadi pelajar *ni* [ini] kita *takda* [tiada] pengalaman yang sebenarnya kita cuma belajar dan sebagainya tapi bila kita buat kerja *tu* [itu] - pengalaman *tu* [itu] penting tapi pengalaman *ni* [ini] disebabkan kita baru bekerja *takda* [tiada] pengalaman jadi kita kena cari pengalaman *tu* [itu], ha maknanya kena cari pengalaman maksudnya kita kena cari apa benda cara untuk nak mengatasi nak buat kerja itu sebab kadang-kadang benda *tu* [itu] *takda* [tiada] dalam buku, dia ada pada tempat kerja itu.

NAH : Tempat kerja?

DM : Ha.

NAH : Sebenarnya kita mencari pengalaman --?

DM : Ha itu - yang sebenarnya contohnya *gini* [begini] lah macam -- saya ingat bila jadi jurutera *ni* [ini] *dok* [duduk] buat dengan sistem dengan itu tapi bila kata nak pergi - cari tanah kita dah kena jadi macam Pegawai Tadbir Tanah *pulak* [pula], kena ada kemahiran itu sebab -- jadi kena *deal* [berunding] dengan Pejabat Tanah dan sebagainya lepas *tu* [itu] dah habis yang *tu* [itu] kita nak tahu tentang bangunan *tu* [itu] *pulak* [pula] jadi kena tahu serba sedikit walaupun ada bahagian-bahagian tertentu Bahagian Bangunan sebagainya tapi kita selaku orang yang pertama yang dalam projek *tu* [itu] jadi kita kena tahu kena berhubung kait dengan orang lain, jadi itu *takda* [tiada] *tak* [tidak] diajar di university - dalam Bahasa Inggeris dia kata *interpersonal* [komunikasi secara langsung] *skills* [skil], *communication* [komunikasi] *skills* [skil] cara kita berhubung dengan orang. Hm yang itu.

NAH : So [jadi] apakah sumbangan Dato' yang Dato' rasakan pada waktu itu memberi impak kepada Telekom Malaysia semasa Dato' memegang jawatan tersebut?

DM : Sumbangan -- bagi saya waktu *tu* [itu] ialah bila tengok projek itu siap, bila tengok - alat *tu* [itu] berjalan diguna pakai bila dah siap itu lah kepuasannya, datang kepuasan kita maknanya kejayaan sebab nak *nyampai* [sampai] ke tahap *tu* [itu] kadang-kadang makan masa *dua* [2] *tiga* [3] tahun kerana nak buat projek *tu* [itu] jadi banyak cabaran yang kita lalui berbagai rintangan dan sebagainya jadi bila tengok, bila waktu pelancaran itu dibuat dan tengok peralatan *tu* [itu] berjalan dengan baik, itu datang kita punya rasa -- nak kata megah pun tidak tapi kejayaan suatu kejayaan sebab itu semua datang daripada usaha kita penat lelah kita.

NAH : So [jadi] berapa lama tempoh jawatan yang Dato' pegang pada waktu tersebut sebelum dinaikkan pangkat?

- DM : Saya pegang jawatan Penolong Pengawal Telekom selama *tiga* [3] tahun.
- NAH : Selama tiga [3] tahun?**
- DM : Ha *tiga* [3] tahun lepas *tu* [itu] dinaikkan pangkat kepada pengurus -- Telekom dia panggil -- pengawal telekom dia panggil waktu *tu* [itu], mula-mula kerja Penolong Pengawal Telekom kan, *tiga* [3] tahun selepas *tu* [itu] dinaikkan pangkat kepada Pengawal Telekom kalau sekarang *ni* [ini] dia ikut level pengurus lah.
- NAH : Masa waktu dinaikkan pangkat *tu* [itu] masih lagi di tempat yang sama?**
- DM : Tak. Dia tukar tempat.
- NAH : Tukar ke cawangan lain lah bahagian lain, saya masih lagi buat pembangunan suis tapi di bahagian lain-waktu *tu* [itu] dia panggil kawasan tengah -- waktu *tu* [itu] ialah - Wilayah Persekutuan dan Selangor lah jadi saya jaga bahagian Wilayah Persekutuan maknanya saya *ni* [ini] lebih kurang macam ketua unit lah - ketua unit jadi dibawah saya *tu* [itu] ada -- *lima* [5] orang Penolong Pengawal Telekom maknanya macam jurutera tadi lah, macam saya dulu -- bahagian saya dulu waktu *tu* [itu] ada *enam* [6] orang jadi saya buat _ sebagainya jadi *enam* [6] orang *report* [lapor] kepada *satu* [1] pengurus - pengawal telekom lepas *tu* [itu] bila saya dinaikkan pangkat ke Telekom, jam *tu* [itu] juga bawah saya *tu* [itu] ada *lima* [5] orang - sebab waktu itu saya jaga Wilayah Persekutuan jadi besar *sikit* [sedikit] dia punya kawasan sebab *tu* [itu] *lima* [5] orang. Ramai *sikit* [sedikit] lah.**
- NAH : Waktu *tu* [itu] bagaimana Dato' membahagikan masa diantara kerja dan kehidupan Dato'? ataupun pada waktu itu mungkin Dato' telah pun berkahwin?**
- DM : *Dah* [sudah]. Sudah berkahwin.
- NAH : Sudah berkahwin, macam mana Dato' membahagikan masa diantara dan keluarga?**

- DM : Pertama sekali - kerja habiskan di tempat kerja, jangan bawak kerja ke rumah, jangan campur adukkan kerja dengan hal rumah tangga. Kerja habiskan di pejabat, hal rumah tangga -- jadi itu caranya kalau kita nak bawak kerja balik ke rumah *takda* [tiada] masa dengan keluarga ataupun masa *tu* [itu] terhad - jadi seelok-eloknya, untuk pejabat kerja pejabat habiskan di pejabat, jangan bawak ke rumah, bila sampai rumah lupakan sekejap hal pejabat, kita ada anak ini itu nak jaga dan sebagainya lah, lain kalau kita bujang lagi tapi kalau kita dah ada *family* [keluarga] ada keluarga jadi *ta* [tidak] boleh lah.
- NAH : **Itu cara yang terbaik untuk bahagikan masa (angguk kepala).**
- DM : Ha itu terutamanya.
- NAH : **Masa Dato' memegang jawatan itu siapa tokoh yang paling Dato' kagumi pada waktu tersebut yang menjadi idola Dato' dan kenapa Dato' minat tokoh tersebut? mungkin pengurus atasan?**
- DM : *Actually* [sebenarnya] waktu *tu* [itu] saya mengagumi *Tun Abdul Razak* [Mantan Perdana Menteri Kedua Malaysia] sebabnya - *Tun Abdul Razak* [Mantan Perdana Menteri Kedua Malaysia] dia punya semangat -- nasionalisma maknanya dia bantu Bumiputera bantu bangsa Melayu, dia kuat semangat *tu* [itu] .*And* [dan] *then* [kemudian] dia - banyak bawa kejayaan kepada pembangunan Malaysia waktu *tu* [itu] dan kalau tak silap saya dia lah yang _ pembangunan luar bandar waktu *tu* [itu] ya lah kita sekarang *ni* [ini] adalah yang sebenarnya dia punya *brain child* [otak bijak] dia maknanya daripada hasil visi dia, dia pembangunan luar Bandar -- tersusun lah jadi maknanya orang bangsa Melayu waktu *tu* [itu] kan dulu kampung banyak-banyak *gitu* [begitu] jadi bila dia buat macam *tu* [itu] penerokaan kawasan -- baru, beri -- tanah kepada orang Melayu dan sebagainya jadi itu -- yang -- saya boleh tabik lah dia punya semangat untuk nak membantu bangsa Melayu. Itu *satu* [1] -- itu waktu masa saya *student* [pelajar] lain, *student* [pelajar] dulu saya cukup itu dengan siapa *ni* [ini] -- waktu *tu* [itu] kita panggil Rector -- Universiti Teknologi Malaysia,

one thing[satu benda] nama dia *Tan Sri Ainudin Wahid* [Mantan Rektor Universiti Teknologi Malaysia], *Tan Sri Ainudin Wahid* [Mantan Rektor Universiti Teknologi Malaysia] *ni* [ini] kalau *tak* [tidak] *sabit* [disebabkan] ke *Tan Sri Ainudin Wahid* [Mantan Rektor Universiti Teknologi Malaysia] rasa ramai -- *tak* [tidak] ramai jurutera Melayu pada masa sekarang. Dia lah yang waktu dia - menjadi Rektor dulu masa Maktab Teknik dulu dia panggil Rektor, dia lah yang membuka jalan kepada pelajar-pelajar Melayu *even* [sekalipun] dalam yang aliran sains, aliran sastera pun boleh masuk Maktab Teknik boleh buat *engineering* [kejuruteraan].

NAH : **Dia membuka peluang. (angguk kepala)**

DAM : Dia buka peluang yang mana yang aliran sastera *ni* [ini] dia orang buat dia panggil *preliminary* [persediaan] dulu kursus *prelim* [persediaan], macam saya datang daripada kelas sains saya terus buat diploma tahun *satu* [1] tapi yang mana daripada kelas sastera dorang pergi kursus *prelim* [persediaan] dulu setahun lepas *tu* [itu] lulus *prelim* [persediaan] baru lah masuk ke diploma, jadi ramai -- pelajar -- aliran sastera yang masuk buat kejuruteraan dan akhirnya menjadi jurutera *tak* [tidak] kira lah lelaki ke perempuan ke ramai, jadi dia lah yang bagi saya pengasas kepada - pelajar -- jurutera Melayu ramai, *tak* [tidak] *sabit* [disebabkan] dia saya rasa *takda* [tiada] lah kemudian *tu* [itu] waktu *tu* [itu] saya ingat - selain daripada -- saya ingat *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia] je [sahaja] yang ada kejuruteraan selain daripada Universiti Malaya, tapi Universiti Malaya dia banyak kepada ijazah, dia terus ambik belajar untuk ijazah, dia *takda* [tiada] diploma tapi di Maktab Teknik di untuk -- di waktu itu Serdang cuma fokus pertanian, *Universiti Kebangsaan* [Malaysia] *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] fokus banyak kepada sastera dan sebagainya jadi itu lah *ITM* [kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara] pun waktu *tu* [itu] cuma banyak kepada kursus-kursus pengurusan dan sebagainya *takda* [tiada] lagi kejuruteraan dan sebagainya waktu itu - kemudian *sikit* [sedikit] itu - dia orang mula buat ada fakulti kejuruteraan di *ITM* [kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara]. Jadi ada *dua* [2] masa waktu belajar

- dan waktu kerja. Yang nak dikatakan pun idola Iya lah.
- NAH** : **Kira memberi semangat kepada kita.**
- DM : (Angguk kepala).
- NAH** : **Apakah jawatan tertinggi yang terakhir dipegango leh Dato' di Telekom Malaysia?**
- DM : Naib Presiden. *Sales [jualan]*, Selangor
- NAH** : **Pada tahun bila Dato' mula memegang jawatan tersebut?**
- DM : *Dua ribu empat* [2004], April *dua ribu empat* [2004] hingga akhir Disember *dua ribu tujuh* [2007] lah. Dalam lebih kurang *tiga tahun* [3] tahun.
- NAH** : **So [jadi], semasa Dato' pegang jawatan Naib Presiden macam mana cabaran yang dihadapi, mungkin lebih besar sebelum berbanding jawatan yang sebelum Dato' pegang, cabaran?**
- DM : Memang lah, jawatan *tu* [itu] memang jawatan besar, kira jawatan yang *senior* [kanan] lah, *senior post* [jawatan kanan]. Bila jawatan *tu* [itu] besar dia punya tanggungjawab, dia punya skop kerja, skop tanggungjawab besar juga dan waktu *tu* [itu] saya ditugaskan selaku Naib Presiden *Sales [jualan]*, Selangor. Kenapa Selangor sebab Selangor merupakan negeri yang terbesar kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain johor ke, perak ke dan sebagainya, besar dari erti kata dia memberi hasil yang banyak pada Telekom, itu sebabnya --.
- NAH** : **So [jadi] cabaran, macam mana Dato' mengatasi cabaran tersebut? cabaran yang timbul?**
- DM : Kita kena - pertama sekali, corak kepimpinan kita lah, waktu *tu* [itu] apa yang saya amalkan kan, kita *walk the talk* [turun padang], *walk the talk* [turun padang] *ni* [ini] maksudnya kita turun padang. Kita banyak berbincang dengan staf kita dengan pegawai kita dan sebagainya. Kita

jangan duduk *kat* [dekat] *office* [pejabat], *one* [1] _ dan sebagainya lah. Maknanya kita kena turun padang dapatkan pandangan, buat lawatan, dan sebagainya, berbincang dan sebagainya lah, jadi tu maknanya -- dan saya juga mengamalkan *open office* [pejabat terbuka], maksudnya kita *tak* [tidak] - tutup pejabat kita kepada orang bawah. Maknanya orang bawah boleh jumpa saya, berbincang dan sebagainya lah. tapi waktu *tu* [itu] kita (batuk) ada buat email untuk dari segi perhubungan dengan orang bawah, kita ada di panggil mesyuarat bersama dengan *Union* [persatuan pekerja], jadi melalui mesyuarat bersama *ni* [ini] lah mana kita dapatkan pandangan-pandangan dari orang bawah, masalah-masalah orang bawah. Jadi itu caranya.

NAH : **Apakah prinsip Dato' pada waktu tersebut?**

DM : Prinsip nya -- prinsipnya senang, saya rasa bagi saya mungkin *you* [awak] masih ingat slogan yang diamalkan waktu zaman Perdana Menteri, *Tun Abdullah Badawi* [Mantan Perdana Menteri Malaysia Ke-4] slogan tu, ‘Bersih, Cekap, dan Amanah’, mungkin biasa dengar “B-C-A”, ‘Bersih, Cekap, dan Amanah’. Gemilang, terbilang dan sebagainya *tapi* [tetapi] ‘Bersih, Cekap, Amanah’, inilah prinsip yang mana elok dipegang oleh mana-mana pegawai, tak kira pegawai swasta ke pegawai kerajaan ke, sama ada *you* [awak] pemimpin ke *you* [awak] orang bawah ke. -- yang penting ialah bila *you* [awak] ‘Amanah’ maknanya tanggungjawab *you* [awak] akan faham segala tanggungjawab *you* [awak], ‘Bersih’ maksud saya bersih dari segi *corruption* [rasuah] dan sebagainya, bersih maknanya

you [awak] tak akan mudah dibeli oleh sesiapa, jadi (bunyi bersin) bila macam *tu* [itu] bila *you* [awak] *dah* [sudah] bersihkan diri kita, orang tak boleh nak main kan kita lah. Orang tak boleh mudah beli -- maknanya semua orang, maksud saya beli tu *corruption* [rasuah] lah. Jadi, bila kita amalkan benda tu ‘Bersih, Cekap, Amanah’, kita rasa bagi saya benda *tu* [itu] *okey*, kita selamatlah. Itu prinsip saya dan juga bagi saya ini *more* [lebih] kepada perwatakan lah maknanya diri sendiri, kita jangan menganiaya orang sama ada pegawai kita ke, atau pun staf kita ke. Sesetengah orang dia aniaya staf dia, dia -- bagi saya tak boleh, bagi saya kita aniaya orang. Kita jangan sompong dengan orang lah, sentiasa merendah diri, jangan ingat kita ketua, “oh kita *ni* [ini] ketua, kita semuanya betul”. Bagi saya tak boleh lah, ada benda kadang-kadang ada benda-benda *Union* [persatuan pekerja] boleh betul, pandangan-pandangan *Union* [persatuan pekerja] betul, pandangan kita *tak* [tidak] semestinya betul. Jadi kita kena timbal balas tengok, yang mana *okey* yang mana tak *okey* tapi betul *at the end of the day* [diakhir hari], kita yang membuat keputusan, itu memang dikehendaki oleh mana-mana sebab kita sebagai pemimpin (bunyi bersin) sebagai ketua jabatan *even* [malahan] bila *you* [awak] mula-mula kerja besok, *you* [awak] akan ada *certain authority* [bidang kuasa tertentu] dan *you* [awak] diperlukan untuk buat keputusan, bila *you* [awak] bekerja, bila *you* [awak] jadi jurutera tapi betul *you* [awak] ada bos tapi *you* [awak] ada orang bawah *you* [awak], orang bawah *you* [awak] siapa, pekerja lah, *technician* [juruteknik]. Jadi dia orang *ni* [ini]

akan pandang pada *you* [awak] untuk dapatkan keputusan. Macam saya kata tadi, mula-mula kerja, saya di bahagian Pembangunan Suis, jadi *you* [awak] waktu lebih kurang macam Pengurus Projek jadi Pengurus Projek ada masa-masa kita kena kene buat *decision* [keputusan] kita, ada masalah contohnya staf datang kata, “oh *ni* [ini] ada masalah”. Jadi bila dia datang dengan masalah dia *expect* [anggap] kita buat *decision* [keputusan], jadi tak akan kita nak lepas ke bos memanjang, “bos [ini] *ni* ada masalah semalam, *technician* [juruteknik] --”. Nanti apa bos kata, “eh *you* [awak] kan jurutera, bukan *technician* [juruteknik], *you* [awak] *decide* [tentukan] sendiri benda yang bagus”, macam itu, begitu juga bila *you* [awak] ditahap tinggi. Bila ditahap tinggi *you* [awak] sebagai pemimpin jadi banyak keputusan diatas bahu *you* [awak] lah. *you* [awak] dengar nasihat, dengar pandangan staf tapi *at the end of the day* [diakhir hari], tanggungjawab untuk buat keputusan *tu* [itu] terletak pada bahu *you* [awak] sebab kalau *you* [awak] tak boleh buat keputusan *then* [pada waktu itu] maruah sebagai pemimpin *tu* [itu] mungkin jatuh sikit lah, maknanya nanti staf akan tengok, “apa bos kita *tak* [tidak] reti buat”. Jadi *respect* [hormat] *tu* [itu] mungkin dia akan *effect* [memberi kesan], memberi kesan kepada kepimpinan, corak kepimpinan kita.

NAH : **Jadi pada waktu itu, siapakah orang yang sentiasa memberi motivasi dan semangat kepada Dato' sewaktu memegang jawatan tersebut?**

DM : Pada waktu tu, -- saya pun ada juga di atas *tu* [itu] bos lah, walaupun kita jadi Naib Presiden, tapi di atas *tu* [itu] kita ada *COO* [Ketua Pegawai

Operasi], *CEO* [Ketua Pegawai Eksekutif] jadi kadang-kadang dengan dia orang lah kita cuba dapatkan nasihat ataupun pandangan, berbincang lah dengan dia orang untuk -- tapi seelok-eloknya macam saya katakan tadi itu *satu* [1] kepada hanya kita lah, kita cuma dapatkan nasihat, dia orang akan cuma *guide* [pandu] kita lah. Ada juga *CEO* [Ketua Pegawai Eksekutif] yang mungkin bagi jalan *kat* [dekat] kita okey, tapi ada masa-masanya dia akan kata, “okey saya boleh bagi nasihat, tapi *you* [awak] buat keputusan lah”. Dan *of course* [semestinya], *family* [keluarga] pun ada peranan juga lah, orang rumah pun kadang-kadang bagi sokongan moral, bila kita ada masalah kadang-kadang dia orang boleh tahu kita ada masalah pejabat, bila kita balik lain macam jadi disitu datang peranan keluarga terutama sekali - isteri, untuk menenangkan fikiran dan sebagainya lah, kalau dia sendiri membawa masalah, *dah* [sudah] lah bebal di pejabat begitu, dia sendiri yang datang membebankan lagi lah pulak *tu* [itu]. Jadi itu isteri juga mainkan peranan penting juga lah untuk nak mungkin bagi mengurangkan masalah dipejabat. -- ada juga saya berbincang macam contoh macam tadi kan, bila *you* [awak] soal, “siapa kawan yang paling rapat yang masih ada”. Kadang-kadang dia orang bincang juga pasal yang sorang *tu* [itu] dia macam saya kata tadi waktu saya jadi Naib Presiden, dia dah jadi *CEO* [Ketua Pegawai Eksekutif] Hong Kong Shanghai Bank, jadi kita orang - kadang-kadang masalah sama, lebih kurang lah walaupun dia kerja *kat* [dekat] banking tapi masalah lebih kurang sama lah, *so* [jadi] bolehlah bertukar-tukar pendapat.

NAH : Pada waktu tersebut, apa pandangan Dato' terhadap organisasi Telekom Malaysia? pada waktu tersebut?

DM : Pada tahun *dua ribu* [2000] lah, merupakan cabaran besar pada Telekom waktu itu sebab kalau tak salah saya *dah* [sudah] banyak lesen dikeluarkan dan banyak pengusaha-pengusaha Telekom *dah* [sudah] mula masuk dalam pasaran. Tak silap saya waktu *tu* [itu] *dah* [sudah] ada Maxis, *dah* [sudah] ada Digi Telekom, Time Telekom, ramai - pengusaha-pengusaha Telekom lah. Jadi persaingan amat sengit dalam tahun *dua ribu* [2000] ke atas, bukan setakat pengusaha Telekom, lesen diberi kepada *cellular* [telefon bimbit] dan juga kepada *broadband* [jalur lebar], internet dan sebagainya. Jadi banyak produk-produk baru dalam pasaran terutama *cellular* [telefon bimbit] jadi Telekom waktu itu banyak bergantung pada hasil pendapatan - daripada talian tetap *je* [sahaja]. Talian tetap Telekom waktu *tu* [itu] servis perkhidmatan yang utama ialah talian tetap lah jadi secara *tak* [tidak] langsung bila dah banyak ada pengusaha dalam *cellular* [telefon bimbit] jadi memberi persaingan sengit kepada Telekom Malaysia. Jadi itulah antara lain bagi saya cabaran.

NAH : Sewaktu memegang jawatan Naib Presiden apakah rancangan atau pelan yang telah Dato' lakukan untuk Telekom Malaysia? pada waktu *tu* [itu] kan pesaing pun telah banyak muncul, apa langkah Telekom dan Dato' sebagai Naib presiden, apa yang Dato' cadang dan buat pada waktu tersebut?

DM : Tadi saya sebut tadi, Selangor merupakan negeri yang besar, dan di

samping itu memberi hasil pendapatan yang banyak kepada Telekom. Kalau tak silap saya waktu *tu* [itu] hasil pendapatan daripada Telekom sahaja, dari kawasan Selangor, lebih kurang - hampir-hampir *satu per tiga* [1/3] daripada jumlah hasil Telekom. Maknanya selain daripada Kedah, Kelantan, Terengganu yang lain *tu* [itu], maknanya hasil daripada Selangor *ni* [ini] *satu per tiga* [1/3], *dua per tiga* [2/3] *ni* [ini] datang dari yang lain lah Johor, Perak dan sebagainya. Jadi besar dia punya impak kepada apa -- jadi peranan saya waktu *tu* [itu] ialah bagaimana kita kena mempertahankan kalau bukan setakat mempertahankan tapi kalau boleh meningkatkan hasil jabatan sebab macam saya kata tadi persaingan nya sengit, jadi masing-masing kena usaha lah mempertahankan -- jadi cabaran pada waktu ialah - macam mana mempertahankan dari segi persaingan dengan unsur-unsur lain.

TAMAT KASET 1

KASET 2 BAHAGIAN 3: DUNIA PEKERJAAN

- WZ : Soalan seterusnya, semasa berkhidmat sebagai Naib Presiden, adakah pihak Telekom Malaysia ada menghantar Dato' keluar negara atau dalam negara untuk mewakili organisasi itu? maksudnya ada Telekom hantar Dato' keluar negara untuk menjadi wakil Telekom ke?
- DM : Ada, -- contohnya, kita ada macam mesyuarat *dua* [2] hala, contohnya mesyuarat *dua* [2] hala dengan *Singapore* [Singapura]? Telekom, itu tiap-tiap tahun, *maybe* [mungkin] pernahlah saya diminta hadir di mesyuarat itu
- WZ : Mesyuarat itu di *Singapore* [Singapura]?
- DM : Dia bertukar, kadang-kadang *Singapore* [Singapura], tahun berikutnya di Malaysia, dia *alternate* [bertukar] lah, jadi saya waktu itu pergi untuk kira wakil bagi bahagian tertentu, bahagian *Sales* [jualan]. Sebab kita dengan *Singapore* [Singapura] ini, Telekom *ni* [ini], kita ada *joint sales meeting* [mesyuarat jualan kerjasama] dan sebagainya. *Then* [kemudian], satu lagi kita di peringkat Asean, Asean Telekom pada *dua* [2] --. *Bilateral* [dua hala] ini, dengan *Singapore* [Singapura] Telekom, dengan Telekom Thailand, dengan Brunei, yang itu kita adalah. Selepas itu, di peringkat Asean ini, dipanggil Asean Telekom, Asean Telekom ini yang lain termasuklah Indonesia dan sebagainya. Jadi -- bukanlah selalu ada waktu tertentu untuk mewakili Telekom Malaysia untuk *meeting* [mesyuarat] diperingkat Asean Telekom - mungkin ataupun konvesyen dan sebagainya.
- WZ : Semasa wakil Telekom itu ada apa-apa kerja yang menarik ke? Seperkara yang diingati semasa *meeting* [mesyuarat].

- DM : Dia banyaknya bertukar pendapat - dan juga apa ini tindakan, membuat tindakan diperingkat jawatankuasa kecil, dia ada kadang-kadang bentuk macam - contohnya mesyuarat *dua* [2] hala antara dengan *Singapore* [Singapura] dan sebagainya dengan Brunei dengan Thailand. Dia ada, jawatankuasa-jawatankuasa tertentu bila kita dikehendaki menganggotai jawatan-jawatan kuasa tersebut lah.
- WZ : Kiranya Dato' semasa itu sebagai wakil Telekom Malaysia?**
- DM : Salah Seorang daripada wakil. Dia ramai, dia bukan seorang. Kita ada ketua delegasi - lagi tinggi peringkat *senior* [pegawai kanan].
- WZ : Semasa Dato' menerima darjah kebesaran adakah Dato' masih berkhidmat di Telekom Malaysia ataupun sudah bersara?**
- DM : Oh, darjah kebesaran -- saya ada *dua* [2] sebenarnya, *satu* [1] itu pingat - dipanggil 'Setia Mahkota Pahang' pada tahun - '97 [1997] 'Setia Mahkota Pahang', itu pingat sahaja. Yang darjah kebesaran ini pada '98 [1998], darjah kebesaran negeri Pahang. Nama darjah kebesaran itu dipanggil 'Darjah Indera Mahkota Pahang'. ia yang membawa gelaran 'Dato''.
- WZ : Ada anugerah lain selain *dua* [2] itu?**
- DM : Selain dari *dua* [2] itu, tiada. *Dua* [2] itu sahaja.
- WZ : Selain memegang jawatan sebagai Naib Presiden di Telekom Malaysia, adakah Dato' memegang jawatan di organisasi lain?**
- DM : Tiada, saya berkhidmat dari awal hingga akhir di Telekom Malaysia.
(bunyi kertas diselak)
- WZ : Semasa berkhidmat di Telekom adakah Dato' ada menyertai mana-**

mana persatuan-persatuan NGO [Badan Bukan Kerajaan].

DM : Pun tiada, sebab - dalam kontrak, kita tidak dibenarkan aktif dalam NGO [Badan Bukan Kerajaan].

TAMAT BAHAGIAN 3

KASET 2 BAHAGIAN 4: PENDAPAT UMUM, DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

WZ : Saya nak tanya pada pandangan Dato', Malaysia pada masa ini sudah dikira maju atau masih ketinggalan untuk dibandingkan dengan negara luar dari segi teknologi maklumat dan komunikasi?

DM : Sekarang ini?

WZ : Ya, Sekarang ini.

DM : Nak katakan -- dia terpulang -- kalau tak silap saya, kalau dibandingkan dengan negara-negara kurang maju seperti benua Afrika -- lah. Terutamanya benua Afrika dan juga -- *even* [juga] di negara Asean pun ada yang boleh dikatakan maju ada juga dikatakan tidak maju, contohnya; Myanmar. Myanmar kalau dibandingkan kita nak bandingkan Myanmar, kita memang maju. Tapi kalau kita bandingkan kita dengan *Singapore* [Singapura] - kita kebelakang sikit. Dari segi pembangunan, komunikasi, ataupun teknologi maklumat. Begitu juga, kalau kita bandingkan kita dengan Jepun --, Korea, Eropah, *U.S* [Amerika Syarikat] dia orang itu maju dari kita. Tapi kalau kita bandingkan dengan Mongolia, dengan Tibet, dengan negara Afrika contohnya. Kita - lebih maju daripada dia orang -

sebab saya pernah berkhidmat di Ghana.

WZ : Ghana?

DM : Di Ghana kan, jadi dia orang jauh ketinggalan dibandingkan dari segi infrastruktur Telekom, saya ingat *dua puluh tahun* [20] belakang kita. Jadi - benda nak kata maju terpulang, sebab kita *ranking* [kedudukan] pun bukan yang teratas, dari segi kemajuan teknologi nak dibandingkan dengan *U.S* [Amerika Syarikat] dan sebagainya tetapi kalau nak dibandingkan dengan negara kurang maju, kita maju lah. So [jadi] - jadi maju kalau kita bandingkan dengan negara yang kurang maju tetapi tidak berapa maju kalau kita bandingkan dengan negara yang maju seperti Jepun. Dia orang lebih tahu ____.

WZ : Dato' rasa macam mana Malaysia hendak berdaya saing dengan negara luar dari segi teknologi maklumat dan komunikasi? Kalau kita hendak kenalkan macam negara kita ini, canggih dari segi teknologi daripada negara Jepun dan Korea, hendak menarik *investor* [pelabur] luar.

DM : Bagi saya lah, saya rasa pertama, kita masih perlu meningkatkan apa ini keupayaan infrastruktur telekomunikasi kita. Saya ingat infrastruktur yang ada mungkin belum cukup untuk menandingi - dari segi menandingi atau pun bersaing dengan negara maju, itu satu; infrastruktur. Yang keduanya, dari segi *human capital* [modal insan], kepakaran. Bagi saya kita masih berkurangan kepakaran dari bidang -teknologi maklumat, perhubungan dan juga komunikasi. Jadi kita perlu kena fokus bagi saya *dua* [2] perkara ini

dulu untuk kita hendak menandingi - atau hendak cuba bersaing dengan negara-negara yang maju itu.

WZ : **Pada pendapat Dato', teknologi maklumat ini sangat membantu negara Malaysia untuk dikenali oleh negara-negara luar? maksudnya melalui teknologi maklumat ini negara luar, ia mampu mengenali Malaysia.**

DM : Bagi saya ya. Sebab sekarang ini, apa-apa pun banyak bergantung pada teknologi maklumat, internet contohnya. Orang -- kalau dulu mungkin dengan tiadanya teknologi maklumat ataupun internet dan sebagainya, orang mungkin kurang tahu tentang negara Malaysia tetapi dengan adanya internet ini jadi dengan ada maklumat-maklumat mengenai negara Malaysia ini dalam internet jadi orang-orang di negara kurang maju pun tahu dimana, apa itu Malaysia, dimana Malaysia. 'Google' dalam internet pun boleh nampak mana Malaysia. Kalau dulu, kalau sebut Malaysia mungkin orang tidak berapa tahu tetapi *Singapore* [Singapura] orang tahu. Tetapi sekarang Malaysia, orang tahu dah, itu -- bagusnya dari segi perkembangan teknologi maklumat.

WZ : **Soalan pendapat juga, pada pendapat Dato', dengan kebanjiran maklumat pada masa kini, adakah rakyat Malaysia dapat membandingkan antara fakta atau berita palsu? dimana kita tahu saban hari berita-berita tidak pasti akan berlebar dilaman sosial?**

DM : Saya rasa agak payah untuk nak tahu yang mana maklumat yang betul yang mana maklumat yang palsu, agak payah. Kecuali kalau kita tahu perkara tu

[itu], kalau kita tahu selok belok perkara *tu* [itu] mungkin kita boleh tahu maklumat *ni* [ini], mana kalau kita tahu topik *tu* [itu] jadi mungkin kemungkinan kita boleh agak betul ke tak betul. *Tapi* [tetapi] kalau perkara maklumat *tu* [itu] bukan yang kita ada kemahiran agak payah, kita nak tahu sama ada maklumat itu palsu atau tidak. Saya bagi contoh, ramai orang sekarang main *post* [sebar] hadis, hadis ya. *Amik* [ambil] paling -- senang lah, hadis. Macam mana kita nak tahu hadis *tu* [itu] sahih dengan hadis tidak sahih. Bila kita baca benda *tu* [itu], sebab kita bukan pakar *tapi* [tetapi] bagi orang yang pakar tentang hadis, dia akan tahu ini maklumat palsu, maklumat *tu* [itu]. *Tapi* [tetapi] kita orang biasa macam mana kita nak tahu sebab bila kita tengok, “eh macam *okey je* [sahaja] hadis *ni* [ini].” *tapi* [tetapi] *bila* [apabila] tunjuk *pada* [kepada] ustaz-ustaz, “eh ini *you* [awak] jangan ikut tak tentu pasal hadis *ni* [ini], ini tak betul hadis *ni* [ini].” Jadi begitu juga. Macam dengan berita-berita -- yang disebarluaskan dalam blog dalam *tu* [itu], macam mana kita nak tahu, jadi yang sebenarnya terpulang pada orang yang memberi maklumat *tu* [itu]. Kalau dia *amik* [ambil] kesempatan untuk membuat fitnah, dia *bubuh* [letak] maklumat yang palsu tapi orang *tu* [itu] niat dia untuk nak menyebarkan ilmu pengetahuan, dia *bubuh* [letak] maklumat yang betul. Jadi susah, *even* [malahan] kerajaan menghadapi masalah untuk nak mengongkong bahan-bahan luah contohnya. *Tak* [tidak] semuanya bahan luah boleh disekat, sebab benda *tu* [itu] boleh di - diletak maklumat-maklumat itu boleh diletak dimerata tempat. Jadi *tu* [itu] terpulang *pada* [kepada] kita untuk menilai

sama ada benda itu *okey* ke tak *okey*.

- WZ :** (bunyi telefon berdering) Dengan kebanjiran maklumat *tu* [itu], Dato' rasa siapa harus dipersalahkan? Teknologi maklumat ke media sosial ke ataupun pengguna sendiri bertanggungjawab yang menyebarkan?
